



## Undi Pengundi Muda Ayun ke mana

**L**ANDSKAP politik negara berubah secara mendadak setelah dilanda 'tsunami politik' pada 8 Mac yang lalu sejurus selepas keputusan Pilihan Raya Umum Ke-12 dilaporkan. Walaupun media perdana menyiarkan keputusan pilihan raya secara langsung, ia tidak menampakkan apa-apa kejutan melainkan pengumuman beberapa tokoh besar yang gagal mempertahankan kerusi mereka. Namun bagi mereka yang mengikuti keputusan pilihan raya ke-12 melalui internet, keresahan mahupun kegembiraan dialami jauh lebih awal lagi.

Penyokong Barisan Nasional (BN) yang mengikuti keputusan dengan melayari internet, rata-rata telah mula berasa bimbang apabila Pulau Pinang dan Kedah jatuh ke tangan pembangkang seawal jam 10.30 malam lagi. Sebaliknya, berita internet tersebut membuahakan harapan penyokong pembangkang agar petanda awal perubahan landskap politik negara itu akan dapat menafikan penguasaan BN pada pilihan raya umum kali ini.

Ramai yang tidak menduga bahawa landskap politik negara akan berubah sedemikian rupa di mana selain daripada Kelantan, empat buah negeri lagi iaitu Selangor, Perak, Pulau Pinang dan Kedah menjadi milik parti pembangkang. Walaupun BN masih mampu membentuk kerajaan pusat dengan memenangi 140 kerusi Parlimen, BN telah kehilangan majoriti dua per tiga apabila parti pembangkang dan calon bebas berjaya mendapat 82 kerusi Parlimen.

Kali terakhir BN gagal mendapat mandat dua per tiga adalah pada Pilihan Raya 1969 dengan

hanya mendapat peratusan undi popular sebanyak 46.2 peratus di Semenanjung Malaysia manakala pada Pilihan Raya 2008 ini, BN mendapat 49.8 peratus di Semenanjung Malaysia dan 51 peratus bagi keseluruhan termasuk Sabah dan Sarawak.

Apakah yang mengakibatkan berlakunya 'tsunami politik' ini? Dengan timbulnya beberapa isu panas menjelang Pilihan Raya Umum ke-12, sememangnya telah dijangka bahawa satu ayunan undi sebanyak 5 hingga 10 peratus kepada pihak pembangkang akan berlaku. Walau bagaimanapun, anggaran ayunan undi kepada parti pembangkang tersebut dianggap tidak cukup untuk menggugat kedudukan parti pemerintah secara drastik. Paling kuat, ia akan hanya mengurangkan majoriti ataupun kalah beberapa kerusi sahaja.

Hakikatnya, ayunan undi ke pihak pembangkang melantun begitu kuat. Kaum India dilaporkan yang paling ramai memihak kepada parti pembangkang sehingga mencecah 35 peratus, pengundi Cina di sekitar 30 peratus manakala di

kalangan pengundi Melayu di sekitar 5 peratus. Malah di sesetengah kawasan, ayunan undi Melayu melantun melebihi 20 peratus sehingga mengakibatkan kekalahan calon BN di kawasan majoriti Melayu dan kawasan campuran yang mempunyai majoriti Melayu.

Dalam Pilihan Raya Umum Ke-10 pada 1999, BN juga telah kehilangan banyak kerusi, berpunca daripada ayunan undi penyokong BN dan sokongan pengundi muda kepada parti pembangkang. Pengundi muda dikatakan mempunyai aspirasi dan idealisme yang berlainan kerana mereka yang dibesarkan dalam zaman pasca Dasar Ekonomi Baru (DEB) mempunyai pendidikan yang cukup serta sudah menikmati keselesaan hidup. Lantas, beberapa tindakan segera dilakukan BN seperti menubuhkan Puteri UMNO untuk memenangi hati pengundi muda. Tindakan tersebut membolehkan BN memenangi semula banyak kerusi yang tewas pada 1999 semasa Pilihan Raya Umum Ke-11. Di antara faktor yang memungkinan BN memenangi semula kerusi yang tewas tersebut disebabkan ayunan undi pengundi terutama pengundi muda kepada BN.

Apakah yang menyebabkan ayunan undi yang melantun kepada BN pada 2004, melantun kembali kepada pembangkang pada 2008 sepertimana yang terjadi dalam tahun 1999? Apakah yang menyebabkan pengundi muda berpaling tadah daripada menyokong BN dalam Pilihan Raya Umum



... Sambungan

Ke-12 ini? Adakah BN mengambil mudah sokongan pengundi muda yang diterimanya pada 2004?

Ayunan undi pengundi Cina ke pihak pembangkang sememangnya dijangka berdasarkan ayunan pengundi Cina dalam Pilihan Raya negeri Sarawak pada tahun 2006, di mana DAP telah dapat menambahkan bilangan kerusi. Kaum Cina dikatakan kurang selesa dengan kekurangan peluang perniagaan dan keadaan keselamatan diri berikutan meningkatnya kadar jenayah.

Isu HINDRAF dan sogokan dakyah yang mendakwa bahawa kaum India telah dipinggirkan dalam pembangunan banyak mempengaruhi undi kaum India. Ayunan undi kaum India telah mengakibatkan hampir semua pucuk pimpinan MIC kalah dalam pilihan raya ini. BN hanya mendapat 48 peratus sokongan pengundi India. Ayunan undi kepada pembangkang dikatakan telah digerakkan oleh gabungan badan bukan kerajaan di kalangan kaum India.

Isu sensitif berkaitan agama seperti pergelutan mayat kaum India dan Cina yang telah memeluk agama Islam dianggap turut mempengaruhi pengundi. Isu tukar agama dan murtad yang mendapat liputan meluas dalam media juga dianggap menjadi faktor pengayunan pengundi kepada parti pembangkang. Tindakan dan perundangan yang terlalu pro Melayu dan Islam mempengaruhi psikologi pengundi bukan Melayu.

Pengundi Melayu, pada umumnya nampak seperti tidak mempunyai banyak isu yang boleh

menengah Melayu sudah berubah pendirian. Isu-isu kemiskinan Melayu, hak-hak orang Melayu dan *survival* Melayu tidak lagi menarik perhatian mereka. Sebaliknya mereka mungkin lebih berminat dengan isu-isu kesamarataan, keadilan, ketelusan, kebertanggungjawaban dan juga isu menangani rasuah.

Pelantar politik mungkin sudah berubah. Politik pembangunan sudah tidak relevan lagi kerana pengundi Melayu di kawasan Pantai Barat sudahpun mempunyai taraf hidup yang tinggi dan menikmati keselesaan hidup. Rayuan politik pembangunan yang dipelopori oleh BN tidak lagi mempengaruhi undian mereka.

Pertarungan untuk memenangi hati pengundi muda akan terus berlaku di kalangan parti pemerintah dan parti pembangkang. Kelompok pengundi inilah yang akan menentukan penguasaan politik di negara ini kerana bilangan mereka akan meningkat setiap tahun.

BN dalam usahanya untuk mengekalkan sokongan pengundi telah menjalankan sistem penilaian terhadap prestasi wakil rakyat mereka. Selain itu, mungkin yang lebih penting dilakukan ialah mengadakan sistem pemantauan pendapat dan citarasa pengundi secara berkala dengan cara yang lebih sistematik. Sistem pemantauan yang sistematik dan saintifik ini perlu diwujudkan untuk memberikan fakta dan data yang objektif terhadap prestasi kerajaan dari kacamata pengundi. Pemantauan mesti dilakukan secara berkala agar ada pangkalan data yang boleh menggariskan trend perubahan dalam selera pengundi. Apa yang berlaku sekarang ini, hanya sekali sekala diadakan pungutan suara untuk meninjau pendapat awam mengenai isu-isu tertentu.

Keselarasan di antara penawaran dan permintaan juga mempengaruhi tindakan pengundi. Kerap kali kerajaan menawarkan pelbagai janji dan projek kepada pengundi. Namun apa yang ditawarkan itu sebenarnya bukanlah permintaan pengundi. Dalam situasi ini, tawaran kerajaan tersebut tidak memberikan apa-apa kesan

untuk memenangi hati mereka. Sebagai contoh, janji-janji projek pembangunan yang ditawarkan kepada pengundi Kelantan tidak begitu mendapat sambutan. Sebaliknya pengundi Kelantan menolak tawaran tersebut dengan meningkatkan lagi sokongan mereka terhadap kerajaan PAS. PAS yang berada dalam keadaan 'nyawa-nyawa ikan' sebelum Pilihan Raya 2008, kini semakin mantap di Kelantan.

Pertarungan memenangi pengundi juga boleh ditentukan oleh saluran yang digunakan. Parti pemerintah banyak menggunakan media perdana untuk menyebarkan maklumat kepada pengundi. Parti pembangkang yang merasakan mereka tidak banyak mempunyai peluang untuk mendapat ruang dalam media perdana menggunakan media alternatif terutamanya internet sebagai media propaganda mereka.



Golongan muda yang sememangnya merupakan golongan yang sering dan mahir menggunakan kemudahan internet sudah pasti mengikuti berita dan maklumat menerusi internet. Mereka akan mudah terpengaruh kerana suara-suara yang disampaikan melalui internet adalah suara orang muda. Generasi pengundi muda lebih mudah mengidentifikasi diri mereka dengan penulis internet kerana kebanyakannya adalah di dalam lingkungan umur mereka, berbanding dengan sumber berita dalam media perdana yang lebih memberi tumpuan kepada pemimpin-pemimpin kerajaan. Di Malaysia, kita mempunyai ketembusan internet sebanyak 60 peratus. Angka ini jika diterjemahkan kepada jumlah penduduk bermakna hampir 15 juta penduduk mempunyai akses kepada internet. Suka atau tidak, internet akan menjadi saluran utama pengundi mendapatkan maklumat atau gosip politik di masa hadapan.

Dengan landskap politik yang sudah berubah, medan pertarungan memikat pengundi terutama pengundi muda juga perlu diubah. Orang muda menggunakan *blog*, *facebook*, *youtube*, emel berkumpulan, dan pelbagai rangkaian untuk menghubungi satu sama lain. Perlu ada usaha untuk berdialog melalui ruang maya dan memahami rasa hati pengundi baru, pengundi kelas menengah, pengundi bandar dan sebagainya.

Dalam Pilihan Raya ke-12 ini, parti pembangkang menang dalam peperangan psikologi dengan pengundi. Mereka merayu agar pengundi sekadar memberikan mereka lebih banyak sokongan undi untuk menunjukkan ketidakpuasan hati mereka. Mereka tidak merayu supaya memastikan calon mereka menang. Mereka juga tidak merayu supaya mereka diberi peluang membentuk kerajaan negeri sepertimana 'Projek Tanjung' oleh DAP di Pulau Pinang di masa lalu. Namun, rayuan psikologi secara kolektif seperti inilah yang telah menyebabkan ayunan undi yang terlalu banyak sehingga 'tsunami politik' berlaku dan seterusnya mampu mengubah landskap politik negara ini.

Dalam istilah komunikasi politik dikatakan akan muncul lingkaran senyap atau *spiral of silence* yang akan bergabung dengan suara majoriti untuk menentukan arah keputusan sesuatu pilihan raya. Di dalam konteks ini, kelompok lingkaran senyap itu merupakan pengundi baru di kalangan generasi muda yang tidak takut untuk meluahkan rasa hati mereka.



mengalihkkan undi mereka kepada pembangkang. Isu kenaikan harga barang dan tidak puas hati dengan perkhidmatan wakil rakyat mungkin di antara isu yang boleh mempengaruhi undi kaum Melayu. Walaupun ayunan undi Melayu tidak begitu ketara di Johor, Melaka, Pahang dan Terengganu, mengapa pula pengundi Melayu di Kedah, Selangor, Perak dan juga Pulau Pinang banyak memihak pembangkang?

Kemenangan calon bukan Melayu terutama DAP di kawasan majoriti Melayu menunjukkan pengundi Melayu sudah berani mengundi calon pembangkang berketurunan Cina. Tanpa sokongan pengundi Melayu, calon pembangkang tidak akan begitu mudah menang di kawasan-kawasan campuran seperti di Bakri (Johor), Kota Raja (Selangor) dan Taiping (Perak).

Mungkin pengundi daripada kalangan kelas



# Perjuangan Belia dalam Menuntut Ketuanan Melayu



PENDAPAT awam adalah penting dalam mana-mana negara demokrasi. Pendapat awam memberikan maklum balas mengenai penerimaan orang ramai terhadap sesuatu isu atau dasar sama ada yang berkaitan dengan ekonomi, politik, sosial ataupun budaya.

Pemantauan pendapat awam perlu dilakukan secara berkala. Dalam konteks belia, walaupun banyak kajian telah dijalankan tetapi kajian yang menjejaki pendapat generasi muda tidak dilakukan secara berkala.

Generasi muda mempunyai citarasa yang tersendiri. Adalah sukar untuk kita memahami ragam hidup dan sikap mereka jika kita tidak terus menerus menjejaki perubahan dalam diri mereka. Kita rasa kita faham tabii dan tingkah laku mereka. Rupa-rupanya tanggapan kita sering kali salah.

Usaha perlu dimantapkan untuk menjejaki perubahan dalam diri generasi muda negara ini.

**Prof. Dr. Samsudin A. Rahim**  
Ketua Pegawai Eksekutif, IPPBM

## SIDANG PENGARANG

### PENAUNG

Prof. Dr. Samsudin A. Rahim

### PENASIHAT

Y.M. Engku Mohd. Azmi Engku Mohd. Basri

### KETUA PENGARANG

Juliana Soon Stew Fuang

### PENOLONG KETUA PENGARANG

Aishah Haji Kasa

### EDITOR

Nadya Shaffinaz Bajuri

### SIDANG PENGARANG

Shariffah Mamat  
Mastura Mohamad  
Nor Hamidah Hamzah  
Shahhanim Yahya  
Rizzal Dollah  
Hasnul Mubarak

### PEMBANTU PENERBITAN

Nuurul Mizan Ya'cob  
Mohd Farius Bujang  
Ariffin Abdul Rahman

Sila hantarkan sebarang komen dan pertanyaan anda kepada [info@youth.org.my](mailto:info@youth.org.my).

## MALAY SOCIETY OF GREAT BRITAIN

*At the request of the Malay Society of Great Britain, we publish below a copy of a letter of protest sent by them to the Secretary of State for the Colonies.*

The Right Honourable,  
The Secretary of State for the Colonies, P.C., M.P.,  
Downing Street,  
London.

15th January, 1947.

SIR,

On behalf of the Malay Society of Great Britain, I venture to submit certain observations in regard to the delay in giving effect to the Federation plan for Malaya.

The members of our society would emphasise that the present proposals for the Federation were framed after many long hours of careful deliberation between Their Highnesses the Rulers, the representatives of the United Malay National Organisation, and Their Excellencies the Governor-General and the Governor of the Malayan Union, in which the needs and requirements of all races domiciled in Malaya were impartially weighed and considered. The sacrifice made by the Rulers in respect to their sovereignty, and that made by the Malay representatives in respect to the wishes of the people they represent, for the common weal of all races, has reached the limit of conciliation and concession, if not gone beyond it.

It is, therefore, with a feeling of consternation we heard of the decision of His Majesty's Government, as expressed through His Excellency the Governor-General to the effect that the proposals will again be submitted to non-Malays for their criticisms.

We feel very strongly that in no case must any further demand be made upon us Malays to surrender any more of our rights and privileges, for to do so would amount to nothing short of a direct challenge upon our honour and birthright. It is needless to say that it would excite extreme opposition among the Malays throughout the length and breadth of Malaya.

I would draw your attention to the fact that even the criticisms of the proposals for Federation, already ventilated by non-Malays, in their newspapers and utterances elsewhere, are driving the Malays out of the moderate organisation (United Malay National Organisation) into the ranks of the extremists.

It is not from any apprehension less undue weight be attached to the heady and ill-digested views of non-Malays that we now make our appeal to you, but what we do fear is, that further discussion between the representatives of His Majesty's Government and the non-Malays will inevitably lead to the extension of inter-racial conflict.

Until after the liberation from Japan, the policy of His Majesty's Government, as manifested by every treaty, had always been to uphold the Malays as the indigenous population of the country, and we therefore submit that Great Britain is in honour bound to discharge her obligations to us.

We would further stress that never at any time had non-Malays been flattered by any pretext on the part of His Majesty's Government to consult them as to the provisions of the treaties between His Majesty the King and Their Highnesses the Rulers, whether these treaties were State treaties, or the treaties constituting the original Federated Malay States.

Finally, we venture to deprecate further delay in the approval of the Federation plan as likely to lead to an impasse and complicate further the understanding already reached between Their Highnesses, the Malay representatives, and Their Excellencies the Governor-General and the Governor of Malayan Union.

I beg to remain, Sir,  
Your obedient servant,  
TENGGU ABDUL RAHMAN  
(President of The Malay Society of Great Britain).

PELAJAR-PELAJAR Melayu di seberang laut khususnya di England turut memainkan peranan penting dalam usaha untuk mencapai kemerdekaan. Melalui Persatuan Melayu Great Britain (Malay Student Society of Great Britain) pelajar-pelajar Melayu mendesak kerajaan British menghapuskan dasar Malayan Union. Di antara tokoh pelajar Melayu yang memainkan peranan dalam perjuangan ini termasuklah Tun Ismail bin Mohd. Ali, Tun Dr. Mohamed Suffian bin Hashim dan Tunku Abdul Rahman.

Sebagai usaha untuk mempercepatkan proses kemerdekaan bagi Malaysia, Tunku Abdul Rahman selaku Presiden Persatuan Melayu Great Britain telah menghantar surat tuntutan bertarikh 15 Januari 1947 kepada Setiausaha bagi Jajahan.



*"... we venture to deprecate further delay in the approval of the Federation plan as likely to lead to an impasse and complicate further the understanding already reached between Their Highness, the Malay representatives, and Their Excellencies the Governor General and the Governor of Malayan Union."*



# Identities in Personal Advertisements

## Gender and Other Identity Constructions and Representations

IN order to pave the way towards a developed-nation status, Malaysia is turning its focus to human capital development where human capital is recognised as an important factor that will determine Malaysia's success in becoming a developed nation. Human capital has largely been regarded as an economic concept relating to the development of skills and abilities in response to the job market. However, a recent and much more wholesome view of human capital in circulation is the understanding that it is not only limited to knowledge and skills, it also includes health and values.

Thus, the narrow understanding of human capital being job focused and industry aligned

of age) in a corpus of 1,355 personal advertisements compiled from 3 annual publications of Galaxie magazines in Malaysia (from September 2001 to December 2004). Using Fairclough's 3-stage critical discourse analysis, which views language use as social practice, shaped by and shaping social identities, social relations and systems of knowledge and belief of individuals, and Coupland's schematic genre structure for personal ads, this study carried out a close textual analysis of the linguistic structures, forms and content of 1,355 personal advertisements, written by Malaysian male and female youths in the Galaxie magazine, and to uncover and explain the ways in which these work together as a discourse in constructing their identities and creating bonds with the target readers. To further aid the analysis of data, Wordsmith Tools 4 was also used especially for quantitative analysis.

The findings of the study yielded the following:

- i. Contrary to adults, authorities and mainstream discourse, Malaysian youths have a healthy sense of self and a keen sense of who they are; whether as individuals or as a group.
- ii. Malaysian youths more often than not cite gender and ethnicity as important indicators of self as shown in their discourse of representation, contrary to mainstream discourse that claim youths are mainly preoccupied with their personal looks.
- iii. Having a healthy sense of self, Malaysian youths more often than not tend to represent and categorise themselves as having positive social-relational characteristics and psychological traits. The three most important traits and characteristics are "simple", "friendly" and "open-minded".
- iv. Malaysian youths are creative, invoking many types of genre styles in writing their personal advertisements and these are represented



through intertextuality and code-switching so as to capture the attention of their target audience.

- v. Malaysian youths through intertextuality and code-switching show that they are skilful in manoeuvring local and global elements (including linguistic features) in order to situate themselves as glocal beings, i.e., in the context of personal advertisements, they are able to be conspicuous not only to local but also global target audience.



is making way to a holistic understanding of human capital encompassing knowledge, skills, progressive attitudes and progressive thinking including the inculcation of strong moral and ethical values. These "values" must be seen as inseparable parts of human capital. Education and manpower development programmes cannot be successful without first understanding the minds, values, characters and personalities, more specifically, the identities of human capital products, i.e., the youths of Malaysia.

This study examined the construction and representation of Malaysian male and female identities of youth (aged between 18-40 years



Penyelidik:

Prof. Madya Dr. Bahiyah Dato' Hj. Abdul Hamid (UKM)

Geran Penyelidikan IPPBM:

1/0016-7

# PEMETAAN BELIA Malaysia



DALAM usaha membangunkan kelompok belia ke arah modal insan yang cemerlang, pelaksanaan sesuatu program yang bersesuaian dengan belia amat dititikberatkan. Program-program yang dilaksanakan haruslah menepati semua aspek pembangunan diri belia bagi membolehkan setiap objektif yang dirancang tercapai seperti yang disasarkan. Keberkesanan sesuatu program belia bergantung kepada perancangan serta penilaian terhadap program tersebut. Ini bermakna pihak pelaksana program mestilah menggunakan strategi yang berkesan untuk menghasilkan impak yang maksimum.

Justeru itu, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM) telah menerbitkan buku Pemetaan Belia Malaysia. Buku ini boleh dijadikan panduan untuk merancang dan melaksanakan program yang bersesuaian dengan golongan belia. Taburan data yang sistematik mengikut kawasan-kawasan yang telah diplotkan akan memudahkan semua pihak mengenal pasti sumber, kemudahan dan maklumat-maklumat asas berkaitan belia. Ini secara tidak langsung akan membantu pihak-pihak pelaksana untuk mengenal pasti permasalahan belia di sesebuah kawasan. Selain itu, ia akan membantu mengenal pasti penyelesaian yang akan diambil bagi sesuatu kawasan dan membuat pemantauan terhadap pelaksanaan program.

Buku ini mengandungi sebanyak 35 jenis peta yang dikategorikan mengikut kumpulan data tertentu. Menyedari maklumat ini perlu diakses oleh semua pihak, Portal Pemetaan Belia Malaysia telah dibangunkan dan boleh dicapai melalui url <http://petabelia.kbs.gov.my>. Portal ini memuatkan 126 peta yang dibentuk berdasarkan data-data semasa yang diperoleh daripada agensi-agensi kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan.



Laman Utama Portal Pemetaan Belia Malaysia


Antara kategori peta yang disediakan adalah Peta Umum yang melibatkan Populasi Belia, Belia Berumur 15-24 tahun, Belia Berumur 25-39 tahun, Persatuan Belia Aktif, Keahlian Persatuan Belia Aktif, Peratus Dadah, Kawasan Tumpuan Dadah, Kemudahan Sukan, Kemudahan

Awam, Kemudahan Pusat Perkhidmatan, Jenayah Kekerasan dan Jenayah Harta Benda. Peta ini mewakili sejumlah data utama yang sering dikaitkan secara langsung dengan golongan belia.


Data bagi kategori Peta Hasil Kajian pula diperoleh daripada Kajian Pemetaan Belia Malaysia 2007 yang dijalankan oleh pihak IPPBM. Kategori ini mengandungi Peta Skor iaitu Motivasi, Penghargaan Kendiri, Patriotik, Asertif dan Min Masa Terluang. Data berkaitan dengan program-program anjuran Kementerian Belia dan Sukan pula diperoleh melalui Peta Belia Benci Dadah, Liga Sukan Komuniti dan Program Memperkasakan Tenaga Muda.

Kategori ketiga pula ialah Peta Tematik Pilihan yang dibentuk bertujuan untuk membuat perbandingan antara dua jenis data. Terdapat dua jenis peta yang memaparkan perbandingan data iaitu di antara Nisbah Kemudahan Sukan dengan Jumlah Belia dan Peratus Keahlian Persatuan Belia Aktif dengan Jumlah Belia. Melalui perbandingan ini kita dapat mengenal pasti kesesuaian bilangan kemudahan sukan dibandingkan populasi belia di sesuatu daerah. Jika didapati tahap perbandingan tersebut agak ketara maka ia menunjukkan ketidakseimbangan telah berlaku dan pihak berwajib perlu mengambil tindakan yang sewajarnya.

Kategori terakhir ialah Peta Negeri yang disusun mengikut negeri bagi 15 buah negeri di Malaysia. Peta ini merupakan paparan data yang sama seperti kategori umum tetapi boleh dilihat secara lebih khusus kepada setiap negeri. Ini dapat memudahkan pegawai-pegawai belia di peringkat negeri untuk mendapatkan data mengikut negeri masing-masing.



Peta Umum : Populasi Belia



Peta Hasil Kajian : Skor Motivasi



## *Janji Dipahat, Kata Dikota*

*Berdirinya kami di sini  
Sebagai belia bina bangsa  
Dengan penuh keazaman dan cita-cita  
Mendokong amanah bangsa  
Menjadi pengisi pembangunan negara  
Berpandukan matlamat  
Permodalan insan  
Dengan penuh jaya*

*Berdiri kami di sini  
Sebagai belia wawasan  
Dengan penuh tekad  
Akan menguasai ilmu kemahiran  
Berjiwa usahawan kental dan  
Memimpin penuh dedikasi  
Seiring wawasan negara*

*Berdirinya kami di sini  
Sebagai belia Malaysia  
Berjanji dalam diri akan kekal  
bersatu hati  
Gagah berdiri menjunjung amanah  
Bangsa, agama dan negara  
Untuk terus  
Cemerlang, Gemilang dan Terbilang*

*Kerana itulah kami di sini  
Bagi mengikat janji  
Mendepani cabaran demi  
merealisasikan  
Inspirasi perdana menteri  
Yang kami sayangi.*

*Hasil Nukilan Shariffah Mamat, IPPBM  
Sempena Pelancaran Hari Belia 2006*

### — QUOTE —

*READING, after a certain age,  
diverts the mind too much from its  
creative pursuits. Any man who  
reads too much and uses his own  
brain too little falls into lazy habits  
of thinking.*

ALBERT EINSTEIN

### Fakta Belia

Penerbit : Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM)  
Terbitan : 2007  
Halaman : 95

FAKTA BELIA mengandungi himpunan data berkaitan belia, yang diperoleh daripada pelbagai sumber. Umumnya, terdapat dua sumber sebagai asas pembentukan buku ini iaitu pertama, data yang diperoleh daripada pelbagai agensi yang bertanggungjawab dan kedua, data daripada hasil penyelidikan yang telah dijalankan oleh IPPBM. Data-data ini kesemuanya mempunyai hubungan kait dengan persekitaran dan peribadi belia Malaysia.

Tujuan utama penghasilan buku ini adalah bagi memudahkan semua pihak memahami generasi muda melalui data-data yang memberikan gambaran mengenai kedudukan mereka baik secara demografi, emosi dan nilai diri.

Penghasilan buku ini dapat menjamin penggunaan satu sumber yang boleh digunapakai oleh semua pihak dalam merancang sesuatu program atau sebagai asas untuk memahami generasi belia Malaysia. Informasi yang lengkap seperti isu kependudukan, pekerjaan, pendidikan, kesihatan, media, sosial dan sebagainya telah dimuatkan di dalam buku ini untuk rujukan para pembaca.



### Community Youth Development

Penulis : Francisco A. Villarruel et. al.  
Penerbit : SAGE Publishment  
Terbitan : Edisi 4, 2003  
Halaman : 464

FOR many, the new millennium has been viewed as an opportunity for a new beginning. For others, there has been concern about the status quo and whether the new millennium will truly lead to systematic and structural changes that will ultimately enhance the well-being of our communities and our youth. Today's scholars, practitioners, and policy makers continue to wrestle with the question of what can be done to strengthen and enhance development outcomes for our youth in the face of the past decade's realities and nightmares, a period marked by school shootings, increases in the media's negative portrayal of youth, and a public perception that youth were simply engaged in more violence than in any other period of our nation's history.

Although youth development is not a new area of interest for professionals, what is new is the focus on positive approaches and outcomes. Stated somewhat differently and as briefly noted above, the focus of positive youth development moves from a problem-reduction, deficit-oriented approach to initiatives that build individual capacities; rather than focusing just on risk, there has been a shift to including strengthening protective factors, building competencies, increasing thriving behaviors, and reducing risks.

Paralleling this shift among professionals has been a similar response from communities in general. Parents as well as other community residents and professionals (e.g., teachers, faith communities, professionals in youth development) are asking similar questions pertaining to young people: "What does it take to create a community that will promote the positive opportunities that can promote the optimal development of all young people?" and "Can professionals and communities successfully intervene with high-risk youth and minimise their engagement in further risk behaviors?" In short, there is an increasing recognition that programmes in isolation do not contribute to the well-being of youth as do community-wide initiatives characterised by goal of making communities better places for all youth to live and grow.

Given the growing acceptance of this community-wide approach, practitioners, public policy professionals, the public, and researchers are trying desperately to understand what it takes to create environments that promote the positive and healthy development of all youth. Communities are attempting to redesign themselves to be places that promote the general well-being and positive behavior of all young people while, at the same time, trying to prevent negative behavior. Although communities have begun to see the importance of addressing positive youth development, many communities have a limited understanding of the mobilisation required to create an environment that truly promotes positive youth development in all young people.

